

Majlis Anugerah dan Ikatan Mesra SSMP 2013

Mohd. Nazri Abdul Rahman dan PMSSMP

Majlis Anugerah dan Ikatan Mesra (AIMS Night) 2013 telah berlangsung pada 20 Disember 2013 di Shangri-La Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu. AIMS Night merupakan satu majlis makan malam warga SSMP serta majlis penyampaian sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar yang berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dengan Anugerah Dekan (PNGS 3.50 dan ke atas). Majlis tahun ini bertema '*A Glamorous Night Of Titanic*'.

AIMS Night 2013 dimulakan dengan nyanyian lagu "Negaraku" dan "Bertekad Cemerlang" disusuli dengan kata alu-aluan dari Ketua Pengarah AIMS Night 2013, Saudari Chen Fen Tein serta Sekapur Sireh dari Dekan SSMP, YBrs. Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani.

Sebaik selesai acara perasmian, majlis diteruskan dengan persembahan sketsa '*Titanic*' sambil menikmati hidangan makan malam. Beberapa persembahan lain yang dipentaskan adalah "Cup Song", persembahan solo oleh Saudara Jason yang menyanyikan lagu 'Stay', manakala Saudara Poh Hoon menyanyikan lagu 'Make You Feel My Love', dan Saudara Kok Siong yang menyampaikan lagu 'I Dreamed A Dream', serta Saudari Hui Qian dengan lagu 'My Heart Will Go On'. Hadirin juga

disajikan dengan persembahan tarian 'Mirror' + 'Tap Dance' dan permainan 'Save Jack' yang berjaya menggamat suasana, persembahan Acapella (Price Tag) daripada JKLas, serta persembahan tarian daripada Funz Crew.

Para jemputan juga berpeluang memenangi hadiah dari aktiviti cabutan bertuah. Program ini juga telah mengenal pasti dan memilih '*Male and Female Most*



Charming Lecturers' iaitu Dr. Hasmadi Mamat dan Dr. Lee Jau Shya. Bagi acara pemilihan "Prom King" dan "Prom Queen" seramai 4 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan telah dipilih sebagai calon "Prom King" dan "Prom Queen". Saudara Lim Khang Wee dan Saudari Cheng Yee Theng telah ditabalkan sebagai "Prom King" dan "Prom Queen" bagi AIMS Night 2013.



Semasa majlis berjalan, Saudara Joshua Ong Wai Mun selaku Yang Di-Pertua PMSSMP 2013 juga telah dijemput untuk membentangkan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Di samping itu, para hadirin juga dihidangkan dengan tayangan video dan montaj berkeraan majlis sambutan AIMS Night bagi tahun 2013 dan tahun-tahun sebelumnya.